

Malaysia, Vietnam, Singapura teroka tenaga boleh baharu

KUALA LUMPUR: Malaysia, Singapura dan Vietnam menandatangani perjanjian pembangunan bersama untuk meneroka potensi eksport tenaga elektrik boleh baharu dari sumber tenaga angin luar pesisir.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perjanjian tersebut melibatkan MY Energy Consortium dari Malaysia iaitu gabungan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Petrolim Nasional Berhad (Petronas).

Katanya, dari Vietnam pula adalah PetroVietnam Technical Services Corporation (PTSC) dari Vietnam National Industry - Energy Group (Petrovietnam) Vietnam dan Singapura diwakili Sembcorp Utilities Pte. Ltd, anak syarikat Sembcorp Industries (Sembcorp).

“Projek ini memberi tumpuan kepada memanfaatkan sumber tenaga angin luar pesisir Vietnam bagi menjana tenaga elektrik bersih yang akan disalurkan merentasi sempadan melalui kabel dasar laut yang dicadang dan

disambungkan ke grid nasional di Semenanjung Malaysia.

“Inisiatif ini sejajar dengan visi Grid Tenaga ASEAN dan menyokong agenda nyahkarbon serantau. Ia bertujuan menyediakan bekalan elektrik yang stabil, rendah karbon serta memperkukuh kerjasama tenaga serantau dan membangunkan model perdagangan tenaga boleh baharu rentas sempadan yang berskala,” katanya satu hantaran di Facebook.

Beliau berkata, sebagai Pengerusi ASEAN 2025, Malaysia komited untuk terus memacu pertumbuhan mampan, memperkukuh integrasi serantau, dan membina masa depan rendah karbon untuk seluruh rantau ini.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Tengku Muhammad Taufik Tengku Aziz berkata, penyertaan Malaysia dalam inisiatif itu mencerminkan komitmen kukuh terhadap visi Grid Kuasa ASEAN, untuk menguku-

hkan keselamatan tenaga serantau melalui penciptaan hab transit kuasa.

“Perkongsian tiga pihak ini merupakan satu langkah ke hadapan dalam memajukan infrastruktur hijau transnasional, memanfaatkan potensi tenaga boleh baharu (TBB) Vietnam dan menyampaikan tenaga elektrik rendah karbon yang stabil kepada komuniti dan perniagaan.

“Ia menandakan peristiwa penting dalam perjalanan kolektif kami ke arah mencapai pelepasan sifar bersih,” ujarnya.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata, langkah seterusnya adalah menjalankan kajian kebolehlaksanaan.

“Kami akan mulakan tidak lama lagi dan berharap menyiapkannya dengan segera.

“Pada Oktober akan ada Mesyuarat Menteri Tenaga ASEAN di Kuala Lumpur, diharapkan kami boleh menunjukkan kemajuan pada masa itu,” ujarnya.